Telephone: Brunei Students Unit
(020 7402 0045)
Brunei Hall
(020 7402 0953)

Website: www.upp.org.uk
Email: admin@upp.org.uk

اونيت ڤنونتوت٢ بروني

**BRUNEI STUDENTS UNIT**
HIGH COMMISSION OF BRUNEI DARUSSALAM
35 - 43 Norfolk Square
London W2 1RX

**SURAT PEMAKLUMAN UNIT PENUNTUT-PENUNTUT**
**BILANGAN 11 / 2021**

Kepada: Semua Penuntut Tahun Akhir dan Penuntut Berterusan Skim Biasiswa Kerajaan dan Penerima Skim Bantuan Pinjaman Pendidikan

**MEMUATNAIK KEPUTUSAN PEPERIKSAAN 2020/2021 MELALUI UPP ONLINE PORTAL**

Dengan hormat sukacita menarik perhatian semua penuntut tahun akhir dan penuntut berterusan dibawah Skim Biasiswa Kerajaan dan Skim Bantuan Pinjaman Pendidikan berhubung perkara tersebut di atas.

**PENUNTUT TAHUN AKHIR SESI 2020/2021**

2. Sehubungan dengan itu, sukacita dipohonkan kepada semua penuntut tahun akhir yang Inshaa Allah akan menamatkan pengajian sesi 2020/2021 supaya akan dapat memuatnaik keputusan akhir peperiksaan sejurus diperolehi nanti ***TIDAK LEWAT PADA 15 OGOS 2021***. Transkip keputusan akhir yang lengkap dengan nama penuntut hendaklah dimuatnaik melalui UPP Online (***add result***) masing-masing. Kegagalan / kelambatan memuatnaik transkip masing-masing akan melambatkan proses tuntutan (jika ada) yang dibuat melalui Unit Penuntut-Penuntut mahupun di tanahair.

3. Dalam hal berkaitan, semua penuntut tahun akhir Skim Biasiswa Kerajaan dan Skim Bantuan Pinjaman Pendidikan **DIMESTIKAN** untuk melapor diri kepada Cikgu Erna Sumarne Haj Sumardi, Penyelaras Akademik di UPP sebelum balik ke tanahair bagi urusan 'clearance' melalui **kaedah 'zoom'(Sila buat temu janji untuk sesi zoom).** Waktu pejabat adalah dari hari **Isnin hingga Jumaat bermula jam 9:30 Pagi hingga 4:30 Petang sahaja** (Pejabat ditutup pada hari-hari cuti awam).

**PENUNTUT BERTERUSAN SESI 2020/2021**

4. Dalam hubungan yang sama, semua penuntut berterusan yang akan meneruskan pengajian ke sesi akademik 2021/2022 atau seterusnya adalah dimestikan untuk memuatnaik Transkrip keputusan akhir lengkap dengan nama penuh melalui UPP ***(add result)*** Online Portal **selewat-lewatnya pada 15 September 2021. Kegagalan / kelambatan memuatnaik transkrip masing-masing akan menjejaskan proses pengurusan elaun sarahidup dan elaun-elaun berkenaan.**

Sekian. Wassalam.

***" Alam Sekitar Bersih Untuk Masa Depan "***

**Mohammad Danny bin Aimi**
Pengarah Pengajian
Unit Penuntut-Penuntut, London

Rujukan: BSU/E/5
Tarikh: 06 Zulkaedah 1442H / 16 Jun 2021